



فرتوبوهن كبغساءن ملايو برساتو

**PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU**

(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION)

No. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

**PRESIDEN**

### **KENYATAAN MEDIA**

1. UMNO ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga 48 mangsa banjir yang disahkan terkorban sejak bencana berkenaan melanda beberapa buah negeri bermula pada pertengahan Disember lalu.
2. Dengan angka korban yang begitu tinggi berbanding banjir besar yang pernah melanda negara pada tahun 1971 (30 orang) dan 2014 (21 orang), tentunya memerlukan Kerajaan Keluarga Malaysia melaksanakan segera saranan Titah Yang di-Pertuan Agong agar dilakukan Post-Mortem Bencana Banjir.
3. UMNO berasa dukacita kerana koordinasi agensi-agensi berkaitan yang sepatutnya aktif digerakkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) seolah-olah tidak bermaya dan amat lemah sekali dalam menghadapi musibah banjir pada kali ini sedangkan NADMA mempunyai garis panduan penyelarasan musibah banjir yang komprehensif sejak dibangunkan pada 2014.
4. UMNO menghargai segala bantuan untuk mangsa banjir sebagaimana yang diumumkan YAB Perdana Menteri yang boleh mencecah sehingga RM61,000 untuk satu keluarga. Diharapkan maklumat mengenai kaedah pelaksanaan dan penyalurannya dapat segera dimaklumkan kepada rakyat dan dikurangkan sebarang karenah birokrasi agar prosesnya dipercepatkan.

**BERSATU - BERSETIA - BERKHIDMAT**

Surat-surat hendaklah dialamatkan kepada: Setiausaha Agung, Ibu Pejabat Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO  
Tingkat 38, Menara Dato' Onn, Jalan Tun Ismail, 50480 KUALA LUMPUR. Tel: 03-40429511 Fax: 03-40412358

Peti Surat 11782, 50756 KUALA LUMPUR.

Laman Web : [www.umno-online.com](http://www.umno-online.com) | e-Mel: [info@umno.org.my](mailto:info@umno.org.my)

5. UMNO turut menyarankan agar sidang khas Dewan Rakyat mengenai bencana banjir diadakan bagi membolehkan wakil-wakil rakyat mengutarakan pandangan dan resah rakyat serta melontarkan cadangan-cadangan untuk membantu kerajaan mencari jalan terbaik menghadapi bencana yang berlaku.

6. UMNO juga berharap Kerajaan dapat mempertimbangkan permintaan rakyat agar dibenarkan pengeluaran kali terakhir caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di secara one-off sebanyak RM10,000 kerana rakyat benar-benar berhadapan dengan kesempitan hidup akibat pandemik Covid-19 bukan sahaja yang ditimpa dengan musibah banjir. Ini juga sejajar dengan ketetapan Majlis Kerja Tertinggi UMNO yang bermesyuarat pada 27 Ogos 2021.

**AHMAD ZAHID BIN HAMIDI**

**05 Januari 2022**